

**Tan Sri Raja  
Arshad Tun Uda**  
*Pengerusi Ekuinas*

Sektor berkenaan juga dijangka mencapai peningkatan 10 peratus setahun dengan anggaran untuk mencapai sehingga RM156 juta menjelang 2019”



# Ekuinas umum dua pelaburan RM79.8 juta

**Kuala Lumpur:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) mengumumkan dua pelaburan bernilai RM79.8 juta dalam dua syarikat penyedia perkhidmatan Pentadbir Tuntutan Perubatan Pi-hak Ketiga (TPA), sekali gus menandakan pembabitan sulungnya dalam sektor penjagaan kesihatan.

TPA berupaya bertindak sebagai penghubung antara pengguna, pembiaya perubatan dan penyedia perkhidmatan kesihatan dengan memanfaatkan pertumbuhan pasaran penjagaan serta insurans kesihatan.

Pengerusi Ekuinas, Tan Sri Raja Arshad Tun Uda berkata, sektor penjagaan

“Sektor penjagaan kesihatan dijangka mencapai peningkatan 10 peratus setahun”

**Raja Arshad Tun Uda**

kesihatan adalah salah satu daripada enam sektor sasaran Ekuinas yang dikenal pasti untuk pelaburan strategik dan pasaran TPA dilihat membentuk sub-sektor yang berkembang pesat dengan jumlah pelaburan RM100 juta.

“Selain itu, sektor berkenaan juga dijangka mencapai peningkatan 10 peratus setahun dengan anggaran un-

tuk mencapai sehingga RM156 juta menjelang 2019,” katanya, semalam.

Pelaburan itu merangkumi pemerolehan kepentingan 60 peratus ekuiti dalam Kumpulan Medi-Express (MediExpress) yang terdiri daripada MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan Health Connect Sdn Bhd dan juga 60 peratus ekuiti dalam PMCare Sdn Bhd (PMCare).

Dua syarikat berkenaan akan digabungkan pada masa hadapan di bawah sebuah syarikat induk bagi mewujudkan penyedia perkhidmatan TPA terbesar di Malaysia dengan 40 peratus pasaran dan lebih dua juta ahli.